



PTAR

“LIBRARY for ALL” ISSN : 2289-9537

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/library.uitmwww.instagram.com/ptaruitmperpustakaanuitm.blogspot.my

KUMPULAN KREATIF & INOVATIF PTAR

Rangkul Emas Di ICQCC 2017



ONE PRO



24-27 Oktober 2017, Tahniah dan Syabas kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) One Pro dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM di atas kejayaan meraih Anugerah Emas (Gold Award) dalam International Convention on Quality Concept Circles (ICQCC) 24- 27 Oktober 2017, di Okada Manila Philippines.

Secara keseluruhan terdapat 366 kumpulan dari 14 negara yang bertanding di ICQCC 2017, Manila kali ini. Sebanyak 37 kumpulan QC dari Malaysia yang mengambil bahagian dalam konvensyen tersebut. Kejayaan Kumpulan QC dari Malaysia ini yang telah berjaya merangkul sebanyak 36 Anugerah Emas dan 1 Anugerah Silver amat dibanggakan.



Majlis Kemuncak Program Khidmat Masyarakat (CSR) : Ilmu Mengubah Destini (IMD), Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM

Oleh : Puan Adlina Abdullah



29 Oktober 2017 telah berlangsung **Majlis Kemuncak Program Ilmu Mengubah Destini (IMD)** anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam bersama Perpustakaan Tengku Anis,UiTM Cawangan Kelantan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kelantan (BTPN) dan Sekolah Mengengah Kebangsaan Machang di Sekolah Menengah Kebangsaan Machang, Machang Kelantan.

Majlis kemuncak bagi program tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, Ahli Parlimen Machang. Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman bin Omar, Ketua Pustakawan UiTM; En. Noor Hidayat bin Adnan, Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan

Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Kelantan; Tuan Haji Abdullah Haji Mat, Rektor UiTM Cawangan Kelantan; YM Dr. Haji Tuan Mohd Rosli Tuan Hassan dan Guru-guru Besar Sekolah sekitar Negeri Kelantan.

Program tersebut disusuli dengan perasmian Pusat Sumber Ibnu Sina, SMK Machang.

Penganjuran kali ketujuh di bawah Program IMD PTAR ini adalah merupakan salah satu usaha untuk mentransformasikan Pusat Sumber Sekolah Menengah ke arah mewujudkan Pusat Sumber yang berprestasi tinggi demi menyokong Pembelajaran Abad ke-21.



PROGRAM LIBRARY CUSTOMER DAY (LCD) 2017

Oleh : En. Norhazlan bin Nordin



Program **Library Customer Day (LCD) 2017** diadakan pada **25 Oktober 2017 sehingga 8 November 2017** bersempena dengan **Program Galakan Membaca Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)** iaitu satu program perpustakaan untuk menyokong Dasar Program Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia.

Program ini akan dilaksanakan secara terancang dan berterusan di seluruh Perpustakaan UiTM bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan ke arah mewujudkan warga universiti berbudaya membaca dan cintakan ilmu.

Objektif :

- Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca di kalangan warga universiti.
- Memberi pendedahan kepada pelanggan berkenaan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan.


Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti:

A. Forum Penulis Muda 2017 yang merupakan program kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) Universiti Teknologi MARA.

B. Pesta Buku PTAR dan Baca World Day turut dijalankan dengan kerjasama Malaysian Book Publishers Association (MABOPA).

C. Aktiviti lain yang akan diadakan seperti Blind Date with a Book, Library Skills Jeopardy Games, Library Scavenger Hunt, Telepathy Book Games, Get Caught Reading Challenge, Kajian Profil Membaca Universiti Teknologi MARA, Overdue Book Return Day, Book Donation "Gift the Gift of Reading", EResources Vendor Booth & Talk Session dan Gerai Jualan (Persatuan PUTRA).

D. Majlis Perasmian akan diadakan pada 6 November 2017 dan dirasmikan oleh Naib Canselor UiTM , Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said.



FORUM PENULIS MUDA 2017

Oleh : Puan Nor Azwani Mohamad

25 Oktober 2017- Forum Penulis Muda 2017 yang diadakan bersempena dengan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan dan Library Customer Day 2017 adalah anjuran bersama Perpustakaan Tun Abdul Razak bersama Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah diadakan dengan tema "Membaca Pemangkin Professionalisme Belia Kini" adalah bertujuan untuk menyemarakkan aktiviti kebahasaan menerusi perbincangan isu-isu semasa. Forum ini telah diadakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak dan dihadiri oleh 200 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar dan staf UiTM.



Forum ini dikendalikan oleh Y.Bhg. Dr. Mohd. Ghazali Taib dari Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa dan 3 Ahli Panel jemputan iaitu Y.Bhg. Datuk Prof. Teoh Kok Seong Profesor Linguistik, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Prof. Madya Dr. Mohd Nor Mahat, Universiti Teknologi MARA dan En. Ahmad Fedri Yahya (Pengacara/Personaliti Tv3). Forum ini berjaya memukau para peserta yang hadir dan mendapat respons yang luar biasa. Pelbagai isu kebahasaan telah dikupas terutamanya penggunaan Bahasa yang popular digunakan di kalangan generasi Y dan Z kini.

Tahniah! PTAR Peroleh Audit bersih Audit Pemantauan 5 (SV5) Pensijilan ISO 9001:2008 Perpustakaan

Oleh : Puan Aznur Umiza Abu Kassim

Audit Pemantauan 5 (SV5) bagi Pensijilan ISO 9001:2008 telah dilaksanakan pada 3 Oktober 2017 di PTAR UiTM Shah Alam oleh Encik Balaganesh Pavadai , Auditor LRQA. Skop audit kali ini melibatkan Kawalan Dokumen dan Pengurusan Sumber Manusia. Atas usaha semua pihak PTAR telah berjaya mendapat audit bersih tanpa sebarang penemuan gred ketidakpatuhan pada kali ini. Selain berkaitan dengan audit, Encik Balaganesh turut memberi penerangan mengenai perancangan pembaharuan pensijilan perpustakaan dan peralihan pensijilan yang baharu iaitu ISO 9001:2015 yang akan dilaksanakan pada akhir Februari 2018.



MESYUARAT SPECIAL INTEREST GROUP (SIG) PENGKATALOGAN & METADATA

Oleh : Nor Hafizah Md. Hanafiah

Mesyuarat :

Mesyuarat Special Interest Group (SIG) Pengkatalogan & Metadata Bil.1/2017

Tarikh/Masa :

16 Oktober 2017 (Isnin) - 10.00 pagi - 1.00 petang

Tempat :

Bilik Mesyuarat Utama

Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan.

Pegawai Hadir :

Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah

(Bahagian Pemprosesan Teknikal, Jabatan Pembangunan Bahan Perpustakaan)

Objektif :

SIG Pengkatalogan dan Metadata adalah bertanggungjawab untuk menggalakkan amalan terbaik dengan menyumbang kepada pembangunan pengkatalogan dan metadata mengikut piawaian serta format kebangsaan dan antarabangsa dengan menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan profesional secara berterusan melalui kursus, latihan dan bengkel yang bakal dilaksanakan.

Keanggotaan SIG dipengerusikan oleh Ketua Pustakawan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada semua perpustakaan/organisasi di bawah Perpustakaan Universiti dan Negara(PERPUN).

Perkara yang dibincangkan ialah berkenaan Terma Rujukan (Terms of Reference-TOR) SIG Pengkatalogan & Metada, status pelaksanaan Resource Description and Access (RDA) di Perpustakaan PERPUN dan hal-hal lain berkaitan pengkatalogan dan metada.



KURSUS PEMANTAPAN PERKHIDMATAN SIRKULASI DAN PENGURUSAN KUTIPAN HASIL PERPUSTAKAAN

Oleh : Puan Nor Azwani binti Mohamad

Kursus Pemantapan Perkhidmatan Sirkulasi dan Pengurusan Kutipan Hasil Perpustakaan telah diadakan pada 11 hingga 12 Oktober 2017, bertempat di Pusat IT, Perpustakaan Tun Abdul Razak.

Kursus dua hari ini yang melibatkan 40 orang kakitangan pelaksana Perpustakaan UiTM Shah Alam & Selangor yang terlibat secara langsung dalam menjalankan tugas di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan.

Antara objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan polisi dan prosedur kerja bagi Pengurusan Sirkulasi dan Pelanggan khususnya keahlian, proses pinjaman, pemulangan, pembaharuan, pembatalan dan penggantian buku berdasarkan carta alir kerja menggunakan Sistem Baharu (WILS); memberi kesedaran berkenaan Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan dan Penghantaran Buku Perpustakaan dan menerangkan tatacara pengurusan dan penerimaan kutipan hasil perpustakaan.



Kursus ini telah dikendalikan oleh En. Norhazlan Nordin (Timbalan Ketua Pustakawan), Puan Nor Azwani Mohamad (Pustakawan Kanan), Cik Seri Ida Idayu Sarffudin (Pembantu Pustakawan) dan Cik Nurul Nadiah Harun (Pembantu Pustakawan) dari Bahagian Pengurusan Pelanggan dan Koleksi, PTAR.



PAMERAN TAKKAN MELAYU HILANG DI DUNIA

Oleh : Puan Adlina Abdullah

Ungkapan 'Tak kan Melayu hilang di dunia' cukup terkenal kerana dikatakan pernah dilafazkan oleh Laksamana Hang Tuah pada zaman Kesultanan Melaka dahulu kala. Justeru itu, pameran di Galeri PTAR untuk sepanjang Oktober ini adalah berkenaan dengan Sejarah Tamadun Melayu. Objektif Utama pameran adalah untuk mengenali sejarah Tamadun Melayu serta Mengembalikan identiti jati diri orang Melayu.

Pameran pada bulan Oktober 2017 adalah berkisar tentang Melayu, Antara intipati pameran Oktober 2017 adalah:

- Buku berkenaan Bangsa Melayu, Bahasa Melayu
- Buku Tokoh Perjuangan Melayu
- Poster berkaitan sejarah Tamadun Melayu
- Pakaian Melayu



KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN PTAR 2017

Oleh : Pn. Nor Asiah Md. Husin



Penceramah dari Pejabat Bendahari UiTM:

1. Tuan Haji Mazlan Hashim

(Ketua Timbalan Bendahari)

2. Puan Hjh. Azmahton Dato' Hj. Seroji

(Ketua Timbalan Bendahari)

3. Puan Hjh. Wan Salina Wan Sulaiman

(Timbalan Bendahari Kanan)

4. Encik Mohamad Rahimi Aziz

(Timbalan Bendahari)

5. Encik Mohd Hezri Mohd Shafian

(Penolong Bendahari Kanan)

6. Puan Norhafizah Che Mat

(Penolong Bendahari Kanan)

Bahagian Pengurusan Bakat dan Dana, Jabatan Pengurusan Perpustakaan PTAR telah menganjurkan **Kursus Pengurusan Kewangan** pada 16 hingga 17 Oktober 2017 bertempat di Bilik Seminar PTAR Utama. Kursus ini dihadiri oleh Ketua Jabatan, Ketua Bahagian, Staf Pengurusan & Profesional, Staf Unit Kewangan PTAR serta staf terlibat dengan urusan perolehan di Jabatan/Bahagian/Perpustakaan Fakulti.

Antara objektif kursus tersebut ialah:

- Memberi pengetahuan mengenai aspek-aspek kritis mengenai prosedur dan proses pengurusan kewangan
- Memaklumkan akan kepentingan penglibatan peserta dalam urusan pentadbiran kewangan.
- Memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai asas pengurusan kewangan meliputi:
 - Pengurusan belanjawan,
 - pengurusan hasil,
 - pengurusan aset,
 - pengurusan perolehan,
 - pengurusan akaun amanah, gaji
 - Kemudahan staf
 - Penjanaan pendapatan.



LAWATAN PENANDAARASAN PEJABAT BENDAHARI UiTM KE JABATAN ARKIB UNIVERSITI

Oleh : En. Mohd Hazrul Mohd Hussin

Pada 31 Oktober 2017, Jabatan Arkib Universiti telah menerima lawatan penanda arasan dari Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam yang diketuai oleh Cik Junita Jamaludin, Timbalan Bendahari Kanan. Lawatan yang melibatkan hampir 30 orang ini bertujuan untuk memahami tatacara penyimpanan rekod secara sistematis dan mengikut prosedur. Taklimat telah disampaikan oleh En. Ariffin Jamaludin, Timbalan Ketua Pustakawan dari Jabatan Arkib Universiti mengenai Pengurusan Rekod Universiti dan seterusnya oleh En. Mohd Hazrul Mohd Hussin dan En. Abdul Razak Abdul Rahman. Para pelawat turut dibawa melawat untuk melihat proses kerja pendigitalan serta ke bilik rekod bagi melihat pemeliharaan dan penyimpanan rekod yang betul.



Lawatan Panel Penilai Majlis Akreditasi Kejuruteraan-EAC (Engineering Accreditation Council Malaysia) Program EM220-Bachelor of Engineering (Honours) Mechanical , Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UiTM Shah Alam

Oleh : Puan Noor Hayati bt Abu Kassim

Pada 23 dan 24 Oktober 2017, Perpustakaan Kejuruteraan Tun Abdul Razak telah menerima lawatan dari Panel Penilai Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia bagi Program EM220. Lawatan pada kali ini terdiri daripada tiga panel Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) yang dilantik oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) berdasarkan kepada bidang dan pelbagai latar belakang.

Akreditasi program akademik merupakan satu perakuan rasmi kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT), atau dikenali juga sebagai Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan adalah selaras dengan standard yang ditetapkan oleh badan akreditasi. Panel diketuai oleh Ir. Tajul Zahari Abu Bakar bersama tiga panel lain. Mereka terdiri daripada Ir. Dr. Hasril Hasini , Dr. Kok Chee Kuang dan Ir. Dr. Hamdan Hj Ya. Wakil daripada Fakulti Mekanikal juga turut hadir. Ketua Perpustakaan Kejuruteraan telah memberi penerangan tentang koleksi bahan, e-resources, perkhidmatan dan kemudahan sempena lawatan akreditasi tersebut.

Setinggi ucapan tahniah diucapkan kepada seluruh warga perpustakaan kejuruteraan yang telah bersiap sedia bagi menghadapi audit tersebut dengan memberi segala bentuk kerjasama yang diperlukan bagi menjayakannya.



Majlis Perasmian UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu & Pelancaran BIG DATA LAB Seluruh Sistem UiTM

Oleh : En. Muslim Ismail



Majlis Perasmian UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu & Pelancaran BIG DATA LAB Seluruh Sistem UiTM.

UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu membuka lembaran baharu dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan tinggi apabila melancarkan Makmal Data Raya atau Big Data Lab (BDL) melibatkan seluruh sistem universiti itu pada 29 Oktober 2017. Pelancaran BDL tersebut disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh. Dalam majlis sama, beliau turut merasmikan bangunan baharu UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu di Lembah Sireh, Kota Bharu.



PROGRAM BENGKEL LITERASI MEDIA & PERKHIDMATAN DIGITAL

Oleh : Ruhi Imani Mokhtar

Tarikh : 04 Oktober 2017

Masa : 9.00 pagi – 4.30 petang

Lokasi : Bilik ICT Perpustakaan

PENGISIAN:

Penceramah : Nor Aishah Che Raimi (Wakil Perpustakaan Negara Malaysia)

Seramai 43 orang peserta terlibat di dalam program ini yang melibatkan staf pentadbiran dan pensyarah serta staf perpustakaan. Penceramah program ini merupakan wakil daripada Perpustakaan Negara Malaysia. Antara objektif bengkel ini adalah memberi gambaran yang meluas mengenai pangkalan data yang disediakan menerusi laman U-Pustaka. Penceramaha turut menyampaikan maklumat secara teori dan praktikal mengenai kebolehan untuk mengesas, menilai dan menggunakan maklumat dari pelbagai sumber elektronik terutama melalui internet. Peserta bengkel diberi tunjuk ajar berkaitan semua pangkalan data yang boleh diakses secara percuma melalui laman sesawang U-Pustaka. Selain itu, peserta juga diberikan kuiz serta hadiah khas untuk peserta bengkel yang dapat menjawab dengan betul daripada pihak Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)



LAPORAN PAMERAN FORUM TRANSFORMASI PERPUSTAKAAN ABAD KE 21

Oleh: Puan Atirah Ruslan

Pada 11 Oktober 2017 bertempat di Dewan Perdana, UiTM Cawangan Kedah telah berlangsung Forum Transformasi Perpustakaan Abad ke 21. Program ini merupakan anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Utara dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kedah. Perpustakaan Sultan Badlishah telah terlibat di dalam pelaksanaan program ini dan memegang portfolio Jawatankuasa Pameran. Kumpulan Luminous daripada Perpustakaan Sultan Badlishah turut mengadakan pameran dengan mempromosikan inovasi Fizibook, iaitu alat melengkapkan fizikal bahan. Inovasi ini telah menerima pelbagai anugerah dan penghargaan di dalam pelbagai pertandingan inovasi yang disertai.



PERPUSTAKAAN BERGERAK @ TERATAK CENDEKIAWAN (BIL.2/2017)

Oleh : Cik Asmahani Abdullah



Tarikh: 3, 4 dan 5 Oktober 2017 (9.00 pagi hingga 4.30 petang)

Tempat: Ruang Hadapan Dewan Gadong, Hotel UiTM Dungun.

Penglibatan: AJK Perpustakaan Bergerak @ Teratak Cendekiawan 2017 diketuai En. Abdul Halim bin Abdullah, Pembantu Pustakawan Kanan.

Sasaran: Staf Akademik dan Bukan Akademik UiTM Terengganu.

Objektif/ Kandungan Ringkas: Tujuan program adalah untuk mendekatkan perpustakaan dengan warga kampus dalam usaha membudayakan membaca di kalangan staf. Tiga pengunjung bertuah juga dipilih bagi memberi galakan kepada staf untuk hadir membaca dan membuat pinjaman.

Koleksi yang dipamerkan: Bahan bacaan umum seperti buku-buku dan majalah dalam berkaitan hobi, agama dan keluarga.

Bengkel Asas Penjilidan & Pemerosesan Teknikal Buku bersama Pengawas Pusat Sumber SK Batu 48, Dungun, Terengganu

Tarikh: 8 Oktober 2017, Ahad (8.30 pagi – 1.00 tengahari).

Tempat: Pusat Sumber SK Batu 48, Dungun, Terengganu.

Dikendalikan oleh:

1. En. Zakariah Salleh, Pembantu Pemuliharaan Kanan
2. En. Mohamad Zulkifli Hassan, Pembantu Pemuliharaan Kanan
3. En. Mohd Seheri A. Aziz, Pembantu Operasi

Penglibatan: Pengawas Pusat Sumber SK Batu 48, Dungun, Terengganu.

Pengisian: Asas menjahit tulang buku, pemerosesan teknikal seperti tampil label nombor kelas, dan penyusunan koleksi di rak dengan betul.

Objektif/ Kandungan Ringkas: Aktiviti kolaboratif bersama Pusat Sumber ini dianjurkan sempena Hari Mesra PSS SK Batu 48 dan Penilaian Anugerah Pusat Sumber Sekolah Peringkat Negeri Terengganu Daerah Dungun yang melibatkan beberapa aktiviti ilmu yang berjalan serentak melibatkan pelajar-pelajar sekolah dalam menyemarakkan semangat suka membaca.



AKTIVITI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



Lawatan rasmi dari Fakulti Pengurusan Maklumat, Kampus Puncak Perdana, Selangor

Tarikh: 09 Oktober 2017 (Isnin)
Tempat: Bilik Mesyuarat Utama, PTAR 1
Masa :10.00 pagi



Lawatan Penandaarasan Pejabat Bendahari UiTM ke Jabatan Arkib Universiti PTAR

Tarikh: 31 Oktober 2017
Tempat: Jabatan Arkib Universiti PTAR Shah Alam

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, KAMPUS SG BULOH



Pameran Khas, Study Skills and Tips

Tarikh: Sepanjang Oktober

Tempat: UiTM Kampus Sg. Buloh




KKM: Sesi Latihan Clinicalkey

Tarikh: 12 September 2017

Tempat: Makmal Komputer 2, Bangunan Akademik,UiTM Kampus Sg. Buloh

AKTIVITI PERPUSTAKAAN CAWANGAN PAHANG



PAMERAN SEMPENA KONVOKESYEN KE-87 UiTM CAWANGAN PAHANG

Tarikh: Sepanjang Oktober

Tempat: Perkarangan Ruang Legar Perpustakaan

**BENGKEL
PERKHIDMATAN
Mesra Pelanggan**

BERHENTI MENJADI PEGAWAI KHIDMAT
PELANGGAN, BERUBAH MENJADI.....

**CUSTOMER
SERVICE
HERO**

Bengkel Yang Mengubah
Pegawai Khidmat Pelanggan
Menjadi Hero Di Mata Pelanggan

Nurfarawahidah Badruesham
Pustakawan Kanan
Certified Professional Image Consultant (CPC)
Certified HRDF Trainer

19.10.2017 (Khamis)
8.30 pagi - 5.00 petang
Perpustakaan Al-Bukhari

ANJURAN : PERPUSTAKAAN AL BUKHARI UiTM CAWANGAN PAHANG



BENGKEL "CUSTOMER SERVICE HERO"

Tarikh: 19 Oktober 2017

Tempat: Perpustakaan Al-Bukhari

AKTIVITI PERPUSTAKAAN CAWANGAN PAHANG



GOTONG-ROYONG BUBUR ASYURA 2017

Tarikh: 20 Oktober 2017

Tempat: Perpustakaan Al-Bukhari



IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI 2017

Tarikh: 13 Oktober 2017

Tempat: Perpustakaan Al-Bukhari

AKTIVITI PERPUSTAKAAN CAWANGAN KELANTAN



AKTIVI GALAKAN MEMBACA IMD : CSR PTAR 2017

TARIKH: 25, 26 DAN 29 OKTOBER 2017

TEMPAT : SMK MACHANG

MASA : 9.00 PAGI -2.00 PTG



MESYUARAT GERAK KERJA IMD: PTAR 2017

TARIKH: 16 OKTOBER 2017

TEMPAT : BILIK PENGETUA , SMK MACHANG

TAHNIAH & SYABAS

Pihak Pengurusan amat berbangga dengan kejayaan yang diperolehi dan berharap dengan kenaikan pangkat ini, mereka dapat menyumbang perkhidmatan dengan lebih cemerlang lagi khususnya di dalam bidang kepakaran yang ada. Di bawah ini adalah senarai nama pegawai yang telah berjaya:

**Tuan Haji Azizi Bin Jantan**

Jawatan Kenaikan Pangkat: Timb. Ketua Pustakawan [S48]
Kampus Cawangan: UiTM, Shah Alam

**Puan Hani Liza Binti Norfin**

Jawatan Kenaikan Pangkat: Timb. Ketua Pustakawan [S48]
Kampus Cawangan: UiTM, Shah Alam

**Puan Siti Salwa Binti A.Rahman**

Jawatan Kenaikan Pangkat: Pustakawan Kanan [S44]
Kampus Cawangan: UiTM, Shah Alam

**Encik Ahmad Akmal bin Mohd Idris**

Jawatan Kenaikan Pangkat: Pustakawan Kanan [S44]
Kampus Cawangan: UiTM Cawangan Johor

**Encik Mohd Fadhli bin Samsudin**

Jawatan Kenaikan Pangkat: Pustakawan Kanan [S44]
Kampus Cawangan: UiTM Cawangan Pahang